PELAKSANAAN GST

KPDNKK mesti tegas pantau harga barang, perkhidmatan

Antara isu hangat diperkatakan kini ialah pelaksanaan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bermula esok pada kadar 6 peratus. Ia adalah bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang diguna pakai pada masa kini.

Ramai pengguna mula rasa resah kerana tidak dapat menjangkakan apa yang akan berlaku selepas pelaksanaannya, ditambah pula dengan tindakan sesetengah peniaga tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan berlebihan dengan menaikkan harga barang serta perkhidmatan sesuka hati tanpa mengambil kira beban kewangan yang terpaksa ditanggung pengguna.

Kebelakangan ini, isu kenaikan harga sesetengah barangan serta perkhidmatan melanda negara. Kenaikan ini menyebabkan perbelanjaan rakyat semakin bertambah. Bagi mereka yang kurang berada, kenaikan ini sudah pasti menimbulkan bebanan kewangan.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) hendaklah sentiasa membuat pemantauan serta berterusan dan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menaikkan harga sesuatu barangan atau perkhidmatan tanpa mendapat kelulusan kerajaan.

Pegawai bertanggungjawab melalui kementerian terbabit serta jabatan berkaitan pula hendaklah mengadakan lawatan secara mengejut dari semasa ke semasa ke kedai serta pasar raya untuk memastikan penjual sentiasa mematuhi segala undang-undang serta peraturan ditetapkan terhadap aktiviti jualan mereka.

Langgar etika kena tindakan

Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mana-mana individu atau pertubuhan yang melanggar etika dalam aktiviti jualan mereka kerana menaikkan harga barangan dengan sesuka hati. Pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan 2011 (Akta 723), yang berkuat kuasa pada tahun 2010 dalam banyak hal boleh bertindak sebagai penghalang kepada mana-mana peniaga menaikkan harga secara sewenang-wenangnya.

Akta 723 digubal bagi mengekang kenaikan yang tidak sepatutnya dalam harga barangan pengguna kerana mengikut akta itu, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap peniaga yang didapati menaikkan harga melebihi apa dibenarkan.

Dengan adanya penguatkuasaan berterusan Akta 723, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap peniaga yang terbabit dalam menaikkan harga barang dengan sesuka hati selepas pelaksanaan GST. Di bawah Akta 723 juga, sesuatu pertubuhan yang ingkar boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000, manakala individu yang didapati bersalah boleh didenda sehingga RM100,000, dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.

KPDNKK juga mesti memastikan peniaga meletakkan tanda harga yang sudah merangkumi GST selepas pelaksanaannya bagi memastikan pengguna tidak keliru serta tertipu dengan harga sesuatu barangan atau perkhidmatan ditawarkan kelak. Peniaga yang ingkar perlu juga diambil tindakan undang-undang seperti termaktub di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993.

Secara kesimpulannya, isu kenaikan harga barangan yang sedang melanda kini sedikit sebanyak menyusahkan pelbagai pihak dalam kalangan masyarakat pengguna dalam negara. Oleh yang demikian, dalam menghadapi situasi terbabit, semua pihak dalam negara kita haruslah saling bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk menangani masalah ini.

Guna kuasa pengguna

Semua lapisan masyarakat dalam negara ini mestilah bertindak seperti ke bukit sama didaki dan ke lurah sama dituruni untuk terus mencari jalan bagi menyelesaikan kemelut kenaikan harga barangan serta perkhidmatan yang berlaku.

Sebagai pengguna pula, kita mestilah berani menggunakan kuasa pengguna yang ada dalam tangan dengan memboikot barangan tertentu jika ada pihak yang ingin mengambil kesempatan dalam situasi yang dihadapi sekarang. Pengguna juga dinasihatkan menyimpan segala resit perbelanjaan sebagai bukti jika terdapat salah laku peniaga.

Sebarang tindakan tidak bertanggungjawab yang dilakukan segelintir peniaga terhadap pelaksanaan GST perlu dibendung serta dilaporkan segera kepada agensi kerajaan berkaitan atau persatuan pengguna.

Dr Muzaffar Syah Mallow
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**.

30 NASIONAL

GST

Tingkat penguatkuasaan jamin harga ba

FORUM

Keratan akhbar BH 13 Oktober 2014 berkenaan ***isu kawalan harga barang.***